



Kepada :

- i) Pengarah Kastam Negeri**
- ii) Semua Pejabat Kastam Negeri**
- iii) Pengeksport dan Pengimport Produk Kayu**

COVID 19 – PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Selari dengan usaha Kerajaan untuk membendung wabak COVID 19 serta pengisytiharan Kerajaan Malaysia berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020, MTIB telah mengambil langkah keselamatan dengan **menutup sementara semua pejabat pelesenan MTIB**. Pengoperasian pelesenan MTIB akan dibuat dari rumah sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah tersebut.

MTIB mengambil langkah-langkah berikut berikutan kes jangkitan dan penularan COVID 19 yang didapati semakin serius. Pelaksanaan ini adalah terpakai dalam tempoh yang dinyatakan tersebut. Untuk pengeksportan dan pengimportan serta pelepasan Kastam, tindakan MTIB adalah seperti berikut :

- Lesen eksport yang dikeluarkan oleh MTIB akan diluluskan **Tanpa Pemeriksaan Fizikal**. Seterusnya, pengeksport boleh menggunakan salah satu dari kaedah berikut :
 - i) Lesen eksport yang telah disemak akan diluluskan oleh MTIB dan **dicop** di muka hadapan lesen "**Diluluskan Tanpa Pemeriksaan Fizikal**". Seterusnya lesen eksport akan dikemukakan kepada Pengeksport **menerusi *emel* atau *whatsapp*** untuk dicetak. Lesen eksport dan dokumen berkaitan akan dikemukakan oleh Pengeksport kepada Pihak Kastam untuk pelepasan eksport;

ATAU,

- ii) Pengeksport hanya perlu **mencetak keputusan yang menyatakan 'No Physical Inspection and Application Submitted to SMK'** dan kemukakan cetakan (*Print Screen*) ini yang mengandungi perkara penting, iaitu *Application ID* dan *Status*, kepada kepada Pihak Kastam.
- Untuk import, **MTIB telah menangguhkan** semua proses kelulusan import bermula **18 Mac 2020**. Walaubagaimanapun, konsignasi kayu **yang telah berada** di pelabuhan atau pintu masuk negara akan diproses, **tertakluk kepada budibicara MTIB**. MTIB Wilayah hanya akan meluluskan import berdasarkan kepada penyemakan maklumat dan dokumen yang lengkap. Lesen import (JK69) yang dikeluarkan akan **dicop** di muka hadapan lesen dengan "**Diluluskan Tanpa Pemeriksaan Fizikal**". Seterusnya lesen berkenaan akan dikemukakan kepada Pengimport **menerusi *emel* atau *whatsapp*** untuk dicetak, dan lesen import (JK69) beserta semua dokumen berkaitan akan dikemukakan oleh pengimport kepada Pihak Kastam.

Kesemua langkah di atas adalah juga tertakluk kepada Arahan pihak Kastam yang berkuatkuasa. Perhatian dan kerjasama semua pihak amatlah dihargai dan terima kasih.

Ketua Pengarah MTIB
25 Mac 2020